

**AKTA PENDAFTARAN KEBANGSAAN
(PENGAL 19)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
(KAWALAN GAMBAR-GAMBAR FOTO) (PINDAAN), 2000**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 6 dari Akta Pendaftaran Kebangsaan, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan (Kawalan Gambar-Gambar Foto) (Pindaan), 2000.

Pindaan peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan utama.

2. Peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan (Kawalan Gambar-Gambar Foto), dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda —

(a) dengan membatalkan perenggan (a) dan menggantikannya dengan yang berikut —

"(a) Kertas yang digunakan untuk gambar foto itu hendaklah sama beratnya, muka atas yang tidak begitu licin, tidak berkilat dan dari buatan yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya.";

(b) dalam perenggan (b) —

(i) dengan memotong ".003" " dan menggantikannya dengan "0.076 milimeter";

(ii) dengan memotong ".007" " dan menggantikannya dengan "0.178 milimeter";

(c) dalam perenggan (c) —

(i) dengan memotong "1½" x 1¼" " dan menggantikannya dengan "35 milimeter kali 45 milimeter";

(ii) dengan memotong "satu inci" dari baris ketujuh dan menggantikannya dengan "26 milimeter";

(d) dalam perenggan (d), dengan memotong "dalam warna hitam dan putih sahaja" dan menggantikannya dengan "berwarna";

(e) dengan membatalkan perenggan-perenggan (e), (g) dan (h).

Pembatalan peraturan 3.

3. Peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dibatalkan.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 1 haribulan Jun, 2000.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA
BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.